

TARIKH : 4.1.2020
MEDIA : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 2

Felcra capai MSPO di 162 ladang

Kuala Lumpur: Felcra Berhad (Felcra) berjaya mencapai 100 peratus skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) bagi 162 kawasan ladang di bawah pentadbirannya setakat 31 Disember lalu.

Pengerusinya, Datuk Nageeb Wahab berkata, ia meliputi 1,246 ladang sawit milik peserta berkeluasan 178,857 hektar, 32 ladang milik Felcra seluas 29,926 hektar selain enam kilang sawit milik Felcra di seluruh negara.

"Dalam tempoh pelaksanaan skim itu bermula Januari 2018, semua ladang berkenaan berjaya menerima pensijilan MSPO di bawah piawaian Malaysian Standard MS 2530:2013.

"Semua kilang sawit milik Felcra juga menerima pensijilan MSPO dan MSPO SCCS (Piawaian Pensijilan Rantaian Bekalan)," katanya.

Nageeb menyifatkan



PEKERJA ladang mengait buah sawit di Felcra Changkat Sulaiman, Sungkai.



NAGEEB

pencapaian berkenaan sebagai selaras aspirasi kerajaan untuk memperkasakan kelestarian sektor perladangan dan perkilangan selain menjadi skim kebangsaan bagi industri sawit di Malaysia yang perlu dipatuhi.

"Pensijilan MSPO adalah satu pengiktirafan yang mengesahkan bahawa pro-

duk sawit dihasilkan Felcra adalah mampan, tidak mencemarkan alam sekitar serta memiliki jaminan piawaian untuk kegunaan di peringkat global.

"Pencapaian ini turut menjadi satu penanda aras yang meletakkan Felcra sebagai sebuah entiti pelaksanaan pembangunan komoditi sawit lestari," katanya.